

BAB TIGA

3

BAB 3

KESENIAN MELAYU

3.1 Pendahuluan

Kesenian adalah satu cabang dalam bidang kebudayaan. Kesenian bermaksud perkara-perkara yang mencakupi persoalan seni. Antaranya termasuklah seni bina, seni suara, seni tari, seni drama, seni ukir, seni lukis dan sebagainya. Kesemuanya ini mempunyai peranannya yang tersendiri di dalam masyarakat. Kesenian terus berkembang dan mempengaruhi masyarakat selaras dengan peredaran masa dan zaman. Kesenian Melayu di Terengganu walaupun ianya mempunyai identiti yang tersendiri tetapi ianya hampir sama dengan kesenian Melayu tradisional yang terdapat di negeri-negeri yang bersempadan dengannya seperti Kedah, Pahang, Kelantan dan Patani.

3.2 Falsafah Kesenian

Nyanyian atau tarian tradisional merupakan kesenian yang bukan hanya sekadar untuk berhibur semata-mata, tetapi ianya turut mengandungi unsur-unsur falsafah yang tinggi. Kesenian tradisional ini berkait rapat dengan fahaman animisme.⁵⁸

Tema atau pokok persoalan sesuatu perkara akan dijadikan idea di dalam mengadakan persembahan sesuatu kesenian. Contohnya ialah kesenian tersebut mempunyai kaitan dengan perubatan, semangat bekerjasama, tolong-menolong dan lain-lain lagi.

Nilai-nilai emosi dan intelektual juga turut digambarkan di dalam sesuatu persembahan kesenian. Ia terserlah melalui penggunaan susunan kata-kata yang berirama serta penyusunan persoalan-persoalan semasa yang disampaikan dengan indah. Terdapat fikiran yang menyentuh mengenai ketuhanan, Nabi, asal usul kejadian dan lain-lain lagi dalam persembahan yang dilakukan.⁵⁹

⁵⁸ Aripin Said (1997), *Lagu-lagu Tradisional Rakyat Pahang*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, cet 1, hal. 87

⁵⁹ Ibid. hal. 90

3.3 Matlamat dan Peranan Kesenian

Pada zaman dahulu tidak terdapat hiburan yang khusus seperti yang ada pada masa sekarang. Oleh yang demikian di dalam mencari hiburan serta kepuasan di dalam hidup, mereka telah mencipta pelbagai jenis tarian dan lagu untuk memenuhi kekosongan tersebut. Dengan memiliki daya cipta yang kreatif, lahirlah bentuk-bentuk hiburan yang berunsurkan seni bagi mengisi masa lapang.

Setiap kesenian yang diamalkan oleh masyarakat mempunyai peranan dan pengertiannya yang tersendiri. Di dalam kesenian yang dipamerkan melalui ‘Tarian Pulai’, ia membawa maksud yang tinggi disamping matlamatnya yang tersendiri. Tarian Pulai yang merupakan sebahagian daripada corak kesenian masyarakat Melayu di Terengganu yang telah mencapai matlamat yang dituju pada waktu itu.

Melalui tarian ini, ia menggambarkan keadaan masyarakat yang saling bekerjasama. Suasana yang demikian tidak akan dapat dicapai kecuali dengan mempunyai semangat perpaduan yang tinggi. Dengan sebab itu cara untuk menyatu padukan masyarakat ialah melalui upacara yang disertai oleh semua lapisan masyarakat.

Di dalam Tarian Pulai digambarkan tentang masyarakat yang mempercayai ‘semangat padi’. Mereka mempercayai kepada hasil padi yang diperolehi di dalam satu-satu tahun bergantung kepada semangat yang terdapat pada tanaman padi. Oleh

yang demikian ia perlulah dipupuk serta dipanggil supaya tanaman padi menjadi subur dan hasilnya bertambah dari masa ke semasa.

Manakala kesenian tradisional Ulit Mayang pula merupakan satu cara pengubatan masyarakat Melayu tradisional. Melalui bantuan tujuh orang puteri, bomoh akan berusaha mengubati penyakit yang dihidapi oleh seseorang. Nyanyian dan tarian yang diadakan bukan hanya sekadar untuk berhibur tetapi ia sebagai satu jampi mentera sebagai pemujaan terhadap makhluk halus.

Kesenian tradisional ini menggambarkan keadaan masyarakat pada waktu itu yang terpengaruh dengan keadaan sekeliling dan mempercayai semangat tertentu. Dengan sebab itu apabila seseorang ditimpa sesuatu bencana, bomoh atau pawang yang mengubat penyakit akan berinteraksi dengan alam sekeliling dalam usahanya menyembuhkan pesakit. Melalui cara pengubatan yang tertentu pesakit akan dapat disembuhkan.

Keadaan ini bermula memandangkan masyarakat tradisional ketika itu yang hidup dalam persekitaran yang terpencil. Mereka dikelilingi oleh hutan belantara dan alam sekitar yang sentiasa terdedah kepada bahaya serta serangan binatang buas. Di dalam melakukan kegiatan harian, mereka akan berhadapan dengan berbagai jenis masalah yang menimpa kehidupan mereka. -

Kadang-kadang ketika mereka pergi berburu selain daripada terdedah kepada serangan binatang buas, mereka juga terpaksa berhadapan dengan peristiwa seperti

gangguan daripada makhluk-makhluk halus. Gangguan ini akan menyebabkan seseorang itu menjadi sakit dan kadang kala menyebabkan kematian. Pada masa itu bomoh atau pawang memainkan peranan yang penting di dalam menangani masalah tersebut. Kaedah pengubatan melalui ulit mayang akan dilakukan dalam usaha bomoh mengubati pesakit.

Seterusnya ialah kesenian tradisional Nobat. Ia dikhaskan hanya untuk hiburan kaum kerabat diraja sahaja. Nobat penting di dalam mengiringi adat istiadat diraja. Sesuatu majlis atau upacara yang dijalankan tanpa irungan Nobat akan menjadi cacat dan tidak berseri.

Antara tujuan diadakan permainan Nobat ialah untuk menjaga kedudukan dan fungsi raja itu sendiri. Rakyat jelata ditanam dengan kefahaman tentang kedudukan Nobat yang harus dihormati dan mestilah dipandang tinggi. Merendahkan kedudukan Nobat seolah-olah merupakan satu penghinaan kepada kerabat diraja. Ini kerana Nobat berperanan di dalam menentukan seseorang raja itu berhak menaiki takhta kerajaan atau sebaliknya. Dengan memiliki ‘daulat’ yang diketahui melalui permainan Nobat, seseorang raja yang memerintah akan dihormati dan dipatuhi.

Rakyat jelata mestilah patuh dan taat setia kepada seseorang raja yang telah disahkan. Menderhaka kepada raja akan menyebabkan seseorang itu ditimpa oleh daulat. Ia akan menjadikan seseorang itu mengalami kesusahan di dalam hidup selagi tidak diampuni oleh raja. Oleh sebab itu Nobat turut berfungsi sebagai alat untuk memperkuuhkan kedudukan raja.

3.4 Sejarah Awal Alat Muzik

Secara umumnya, muzik mengandungi nada dan irama. Manusia pada asasnya mula mempelajari irama melalui denyutan jantung ibu. Nada dan irama nyanyian ibu juga antara bukti yang menunjukkan manusia telah pun mendekati alat muzik sejak dari alam bayi lagi.

Pada hakikatnya, badan manusia merupakan instrumen muzik yang asas. Tindak balas badan mampu menghasilkan bunyi, sementara telinga adalah sebagai media pendengaran dan minda mentafsirkannya mengikut persepsi yang dibina. Suara merupakan sebahagian kecil usaha yang dilakukan oleh manusia di dalam menghasilkan bunyi muzik. Sesetengahnya menggunakan tepukan, hentakan atau pergerakan badan bagi menghasilkan muzik.

Selain daripada itu, desiran alam semulajadi seperti desiran angin, ombak, geseran dedaun tumbuhan turut ditafsirkan sebagai muzik. Geseran tumbuhan misalnya dikombinasikan dengan desiran angin akan menghasilkan bunyi yang indah dan menghiburkan. Secara tidak langsung, ia membuktikan bahawa manusia sentiasa berdamping dengan muzik sama ada dengan sengaja mahupun sebaliknya ataupun secara sedar ataupun tidak.

Alat-alat muzik mula dicipta dengan menggunakan bahan-bahan alam yang mudah diperolehi di persekitaran sesuatu kaum seperti kulit, tumbuh-tumbuhan, tulang-tulang dan tanduk-tanduk binatang.

Sejenis alat muzik yang telah pun wujud sejak dari zaman batu lagi adalah ‘seruling’. Ia pernah ditemui tersimpan di dalam air batu di Siberia, tanah liat (English Day), tanah gambut (Danish and Irish, Peatbogs), padang pasir di Afrika dan Amerika Selatan. Kesemua alat-alat tersebut diperbuat daripada tulang-tulang binatang. Ia mempunyai kaitan yang rapat dengan pemikiran primitif zaman pra sejarah iaitu Homosapiens.⁶⁰

Di lembah Mesopotamia yang terletak di Sungai Tigris dan Eupharates, muzik dikatakan telah wujud sejak 6000 tahun dahulu. Masyarakat orang-orang Sumer sebagai penduduk awal lembah telah menggunakan alat-alat muzik yang sempurna dan halus buatannya. Di Selatan Iraq pula, alat muzik telah wujud sejak dari tahun 4000 hingga 3000 SM lagi. Kajian arkeologi pada tahun 1920-an telah menemui beberapa jenis alat muzik seperti seruling, tamborin, lyre dan harp serta angular di makam Di Raja ‘Ur of the Chaldees di Selatan Iraq. Alat-alat yang sama dipercayai wujud di Mesir pada sekitar tahun 2500 SM. Begitu juga di Ethiopia, alat lyre yang dikenali sebagai ‘bagana’ telah dicipta sejak dari beribu-ribu tahun yang lalu.

⁶⁰ Buku cenderahati Pameran Alat Muzik Tradisional, Muzium Negeri Terengganu, bertarikh 7 Ogos 2000, hal. 2

Manakala di Tanah Melayu khususnya masyarakat Melayu tradisional di Terengganu, mereka juga turut mencipta alat-alat muzik berdasarkan kepada unsur yang sama iaitu pemerhatian kepada alam sekeliling. Dengan itu terhasillah pada peringkat yang awal serunai yang diperbuat daripada daun kelapa, ia kemudiannya telah dimajukan kepada penciptaan serunai daripada tanduk lembu, kerbau dan lain-lain lagi.

Kedatangan orang-orang luar terutama pedagang ke pelabuhan yang terdapat di Negeri Terengganu seperti pelabuhan Fo lo an di Kuala Berang dan Perimula di Kuala Terengganu turut membantu kepada perkembangan dan penambahan alat-alat muzik. Masyarakat tempatan mula mengenali alat-alat muzik dari luar seperti serunai yang diperbuat daripada besi dan tulang, gong dan lain-lain lagi.⁶¹

⁶¹ Ibid.

3.4.1 Jenis-jenis Alat Muzik

Terdapat beberapa jenis alat muzik yang biasa digunakan dalam persembahan kesenian Melayu tradisional di Terengganu. Alat-alat muzik ini amat penting kerana ianya sebagai pengimbang kepada persembahan yang dilakukan. Melalui alat-alat muzik yang dimainkan juga akan menghidup dan memeriahkan lagi suasana persembahan yang dibuat. Alat-alat muzik yang dimainkan itu akan mengiringi rentak persembahan yang dibuat dan berubah mengikut suasana dan gaya tarian serta lagu yang dinyanyikan. Dengan adanya alat-alat muzik yang mengiringi sesuatu persembahan akan menjadikan para penonton akan lebih menghayati mesej yang ingin disampaikan dari persembahan yang dibuat itu.

Alat muzik tradisional itu dibahagikan kepada 3 bahagian. Bahagian-bahagian itu ialah:⁶²

i- Alat perkusi (Jenis-jenis gendang)

a) rebana, kompong, kerincing, gendang ibu, gendang anak dan seumpamanya

b) Gamelan, Cak Lempong, Bonang, kesi (alat brass) dan gong

ii- Alat tiup kayu / buluh

a) Seruling

b) Serunai

c) Nafiri

⁶² Zubir Ali, Kertas kerja: 'Seminar Alat Muzik Tradisional', Kuala Lumpur, Julai 2000

iii- Alat bertali

- a) Berpetik gambus
- b) Bergesek rebab / biola

i **Rebab**

Rebab merupakan alat muzik yang tertua dalam sejarah permainan muzik tradisi Melayu. Di kalangan bomoh-bomoh Melayu ia dikenali sebagai ‘anak umbang’. Pada awalnya ia digunakan dalam masyarakat Melayu sebagai alat yang dibunyikan untuk mengiringi perubatan ‘Peteri’.⁶³ Alat ini merupakan nadi kepada perubatan tersebut.

Adalah dipercayai bahawa rebab tidak boleh diletakkan dengan begitu sahaja. Ia mesti dibungkus dalam kain kuning kerana kononnya rebab mempunyai penunggu yang tersendiri. Selain daripada itu ia juga tidak boleh dilangkah atau dipukul tanpa tujuan.⁶⁴

⁶³ Hj. Aziz Deraman (1994), *Muzik dan Nyanyian Tradisi Melayu*, Fajar Bakti Sdn. Bhd. ,hal-

58

⁶⁴ Ibid.

ii Rebana

Rebana merupakan alat muzik tradisional yang paling besar.⁶⁵ Di dalam persembahan ia digantung dan dipukul dengan tangan oleh seorang tukang palu atau ‘pemalu.’⁶⁶ Pemalu yang kedua akan mengambil alih tugas sebagai pemukul apabila pemalu yang pertama telah letih.

Rebana Besar biasanya digunakan bagi mengiringi kumpulan dikir barat dan lain-lain permainan yang berkaitan. Pembuat rebana merupakan tukang seni yang khas bagi menghasilkan bunyi paluan rebana yang menarik

iii Rebana Ubi

Alat muzik ini dipercayai telah dimainkan sejak dari 300 tahun yang lepas. Kesenian yang berkaitan dengan alat ini amat popular di Negeri Kelantan.⁶⁷ Rebana ubi pada kebiasaannya diperbuat daripada kayu getah. Permukaannya ditutupi dengan belulang kambing yang telah lembut. Ia akan dipalu bagi menghasilkan bunyi sebagaimana yang dikehendaki. Rebana ubi pada kebiasaannya dimainkan secara beramai-ramai.

⁶⁵ Ibid. hal. 61

⁶⁶ Gelaran yang biasanya digunakan oleh pemukul rebana.

⁶⁷ Haji Aziz Deraman, op. cit hal. 61

Pada zaman dahulu, kebanyakan kampung mempunyai sebuah kumpulan rebana ubinya. Pada hari keramaian, perkahwinan atau untuk menyambut orang kenamaan atau tetamu yang datang, rebana ubi akan dipalu bagi memeriahkan lagi suasana hari tersebut. Di samping itu juga ia bertujuan untuk mengingatkan para jemputan tentang sesuatu perkara bagi menggantikan kad jemputan.

Kumpulan rebana ubi pada kebiasaannya mempunyai tidak kurang daripada 6 buah rebana ubi. Setiap buah rebana ubi akan dipalu oleh dua orang pemalu. Lagu-lagu dan irama akan dimainkan bersesuaian dengan tujuan keramaian tersebut. Paluan rebana ubi biasanya dapat didengar beberapa kilometer jauhnya.⁶⁸

iv **Anggik Keranting**

Alat tradisi ini diperbuat daripada kulit kambing yang telah lembut. Bingkainya diperbuat daripada kayu merbau. Bagi mendapatkan bunyi yang menarik, kulit kambing itu disirat dengan tali pada rotan dan dibaji dengan kayu.⁶⁹

Anggik Keranting biasanya digunakan dalam tarian Saba, iaitu sejenis pengubatan Melayu tradisi Terengganu khasnya di Kampung Jengai, Dungun.

⁶⁸ Rashid bin Hamat (1985).*Rebana Ubi*, PESAKA III, United Selangor Press Sdn. Bhd. Kuala Lumpur. cet. 1,hal. 81-87

⁶⁹ Haji Aziz Deraman, op. cit. hal. 63

v Nobat

Nobat atau naubat merujuk kepada gendang besar yang dipalu pada waktunya yang tertentu atau dipalu oleh sebuah kumpulan muzik yang bermain di hadapan istana raja.⁷⁰

Nobat mempunyai 3 fungsi utama di istana. Fungsi yang pertama ialah sebagai hiburan kaum kerabat diraja. Manakala fungsi yang kedua pula ialah sebagai muzik bagi mengiringi istiadat-istiadat diraja. Sementara fungsi yang ketiga ialah sebagai menandakan waktu-waktu yang tertentu. Contohnya seperti waktu berbuka puasa dan sambutan hari raya.

vi Buluh Keranting (Umbang) dan Anak Umbang

Alat Ini diperbuat daripada buluh yang mempunyai ruas yang panjang. Pada buluh ini akan direntangkan tali tangsi. Buluh akan ditebus lubang ditengah-tengahnya dan dipecahkan agar dapat mengeluarkan nada suara yang lebih tinggi.

Nada suara dan bunyi yang baik akan dapat dihasilkan apabila buluh keranting digesek dengan ‘anak umbang’. Anak Umbang diperbuat daripada kayu

⁷⁰ Mohd. Ghose Nasuruddin (1989), *Muzik Melayu Tradisi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, cet 1, hal. 167.

ix **Cerek**

Cerek merupakan keping-keping buluh yang dilekukkan seolah-olah mata gergaji dan digelek serta dipukul dengan sekeping buluh lagi yang agak kecil untuk mendapatkan bunyinya.

Pemukul-pemukul cerek iaalah puteri-puteri di dalam permainan ‘Mak Yong’. Cerek dipukul untuk membuat rentak masa dan tempo. Ia dimainkan dalam tari ragam yang lebih rancak gerak tarinya.⁷⁶

x **Gong**

Asal usul alat muzik tradisional ini masih lagi tidak dapat dipastikan dengan jelas. Setengah pengkaji berpendapat ia berasal dari kawasan antara Tibet dan Burma. Manakala pendapat yang lain pula mengatakan ianya berasal dari Benua India.⁷⁷

Gong biasanya diperbuat daripada besi. Selain daripada itu ada juga gong yang diperbuat daripada gangsa yang dicampur dengan timah. Jenis gong yang biasa digunakan dipanggil tawak-tawak. Gong dimainkan secara dipalu dengan kayu yang berbalut getah dihujungnya. Bunyi yang dihasilkan adalah berdengung.⁷⁸

⁷⁶ Ibid.

⁷⁷ Ibid.

⁷⁸ Ibid.

dan direntang dengan tali rotan. Sebelum itu ia terlebih dahulu diasah dengan kemenyan. Irama yang lebih baik dan nada yang tinggi akan dapat dihasilkan apabila umbang diletakkan diatas tin kosong. Umbang dan anak umbang adalah seperti biola dan rebab.⁷¹

vii Kompong

Kompong merupakan alat muzik yang popular khususnya di Johor dan Selangor. Ia mempunya berbagai-bagai jenis dan ukuran. Tingginya antara 6 cm hingga 12 cm. Luas permukaan kulitnya juga berbeza-beza. Ukuran garis pusatnya antara 20 cm hingga 37.5 cm. Ia berbentuk bulat. Bahagian yang bulat ini dikenali sebagai balon kompong. Kayu yang biasa digunakan untuk membuat kompong ialah kayu leban. Apabila balon ini dilihat daripada tepi, ia akan menyerupai sebuah mangkuk besar setinggi 3 inci. Bahagian lain yang penting ialah bahagian permukaan yang ditutipi dengan kulit kambing. Satu bahagian lagi yang sentiasa terbuka dipanggil sebagai mulut kompong.⁷²

Kompong dimainkan dengan memegangnya pada sebelah tangan manakala sebelah tangan lagi memukulnya. Ada pendapat yang menyatakan kompong berasal

⁷¹ Hj. Aziz Deraman, op. cit, hal. 64
⁷² Ibid. hal. 66

dari India. Ini kerana terdapat persamaan rapat antara kompong dengan alat-alat muzik orang India.

Terdapat juga pendapat yang mengatakan alat muzik ini berasal dari negara-negara di Timur Tengah khususnya negara Arab. Ini berdasarkan kepada segi bentuk yang terdapat persamaan antara kompong yang dimainkan di Malaysia dengan yang dimainkan di negara-negara Arab. Terdapat juga persamaan dari sudut cara memegang, memukul dan saiznya.⁷³

viii Kertok

Alat muzik tradisional ini diperbuat daripada buah kelapa yang besar dan tua. Buah kelapa itu dipangkas atau dipotong bahagian atasnya. Isinya dibuang dan tinggallah lubang yang luas. Di atas lubang itu akan diletakkan papan yang dikenali dengan sebutan sebagai ‘belira’ atau ‘daun’. Belira biasanya diperbuat daripada kayu nibung. Bunyi kertok adalah terhasil daripada bahagian ini.

Pangkal belira akan ditebus untuk dimasukkan kayu bulang yang terpancang pada muka kayu itu. Keadaan ini supaya kedudukan belira itu tetap dan tidak jatuh apabila dipalu. Pada hujung belira akan dipancang dua batang kayu lagi. Alat muzik ini banyak dimainkan di Negeri Kelantan.⁷⁴

⁷³ Ibid

⁷⁴ Ibid. hal. 67

Alat muzik ini dipercayai datangnya dari Indonesia. Ia diperbuat daripada batang buluh yang berbeza-beza ukurannya antara satu dengan yang lain. Tiap-tiap satunya mempunyai pitch yang tertentu, terbuka pada satu hujung dan tertutup pada penghujung yang lain. Dua atau tiga batang buluh akan dipasang pada bingkai yang juga diperbuat daripada buluh dan akan bergegar apabila digoyang.

Bagi mengeluarkan bunyinya, seseorang akan memegang bingkai angklung itu sambil menggongangkannya. Alat muzik ini banyak dimainkan di Negeri Johor di dalam mengiringi tarian kuda kepang. Angklung juga boleh dimainkan sebagai sebuah orkestra dengan lagu-lagu tertentu seperti kercong.⁷⁹

⁷⁹ Ibid. hal. 69

3.5 Jenis-jenis Hiburan

Kesenian Melayu yang berunsurkan hiburan dapat dibahagikan kepada dua bidang yang utama. Bidang yang tersebut ialah seni vokal dan seni muzik. Kedua-dua bidang kesenian ini telah mempengaruhi kesenian yang diamalkan pada hari ini.⁸⁰

Dalam seni vokal Melayu, ada seni vokal tanpa muzik dan ada seni vokal yang bergabung dengan muzik. Seni lagu tanpa diiringi oleh muzik yang terdapat dalam masyarakat Melayu lahir daripada pengaruh Islam yang tidak mementingkan alat muzik.⁸¹

Tarian dianggap suatu bentuk seni yang pertama diusahakan oleh manusia. Bentuk dan gaya tarian yang awal ditentukan oleh fungsi dan persekitarannya. Pada peringkat awal tarian digunakan sebagai alat untuk berkomunikasi dengan roh nenek moyang yang dipercayai oleh mereka apa yang dirujuk hari ini sebagai fenomena semulajadi seperti ribut petir, gempa bumi, letusan gunung berapi, kemarau dan sebagainya.

⁸⁰ Ismail Hamid (1988), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, Dewan Bahasa dan Pustaka, cet. 1, hal. 149

⁸¹ Ibid. hal. 150

Terdapat beberapa jenis hiburan utama di dalam masyarakat Melayu Terengganu pada satu ketika dahulu. Bagi hiburan dan kesenian ‘nobat’, ia merupakan alat kebesaran yang hanya dikhaskan kepada golongan istana sahaja. Rakyat jelata yang ingin menyaksikan persembahan Nobat boleh menyaksikannya pada hari-hari kebesaran yang tertentu. Terdapat beberapa lagu yang khas dimainkan bersama dengan persembahan nobat.

Hiburan dan kesenian yang lain pula ialah seperti ‘Ulit Mayang’, ‘Tarian Balai’, ‘Rodat’, ‘Saba’, ‘Tarian Abang’, ‘Tarian Mandi Safat’, ‘Tarian Piring’ dan ‘Tarian Pulai’. Kesemua jenis-jenis hiburan dan kesenian yang dinyatakan tersebut mempunyai kedua-dua unsur iaitu nyanyian dan tarian.

3.5.1 Tarian Pulai

Tarian Pulai atau Balai merupakan satu bentuk hiburan yang masih lagi dipersembahkan di Negeri Terengganu. Ia telah dimainkan semenjak daripada zaman dahulu kala lagi. Tarian ini amat terkenal di beberapa kampung yang tertentu terutamanya di Kampung Tersat, Hulu Terengganu.⁸²

⁸²

Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Malaysia (1983) *Tarian Pulai*, cet.I, hal. 1

Tarian ini dipersembahkan dengan persembahan nyanyian beramai-ramai yang dinyanyikan oleh kaum perempuan sahaja. Tujuan diadakan persembahan ialah untuk memohon rahmat ke atas tanaman padi supaya tanaman tersebut hidup dengan subur dan mendapat hasil yang berlipat kali ganda dari masa ke semasa. Selain daripada itu persembahan ini juga diadakan bertujuan untuk berhibur setelah penat bekerja di sawah dan sementara menanti hari teduh untuk pulang.

Peralatan yang digunakan di dalam persembahan tarian Pulai ialah peralatan seperti keri, kain perca, kain batik sarung, tali, beberapa batang buluh dan bahan-bahan makanan (gula-gula, pisang, jambu dan bunga-bungaan).

Pakaian ahli di dalam persembahan ini tidak ditentukan. Ahli-ahli tidak semestinya memakai pakaian yang seragam. Pada kebiasaan penari memakai baju kurung ataupun baju batik sepasang.

Antara peralatan dan persediaan yang diperlukan ialah seperti berikut:⁸³

- i- Anggar Buah
- ii- Keri
- iii- Gelanggang

⁸³ Ibid. hal. 2

- iv- Buluh
 - v- Kain Batik Sarung
 - vi- Benang dan Tali
 - vii- Bahan-bahan Makanan dan Buah-buahan
- ⋮

i- Anggar Buah

Alat ini diperbuat daripada sebatang buluh berukuran kira-kira tiga meter panjangnya. Pada buluh ini digantung pula tiga bingkai buluh bulat di atas garis pusat 0.5 m. Bingkai yang berada di bahagian bawah berukuran 1 m. Sementara bingkai-bingkai yang berada pada anggar buah digantung dengan kain perca, bahan makanan seperti gula-gula, buah pisang, buah jambu dan bunga bungaan sebagai perhiasan. Bahan ini diikat kuat pada bingkai untuk digoncangkan kelak. Bahan-bahan pengikat terdiri daripada benang dan juga gam atau kanji. Anggar buah akan dipacakkan di tengah-tengah gelanggang.

ii- Keri

Ia merupakan satu alat seperti sabit. Panjangnya lebih kurang 30 c.m. Matanya diperbuat daripada besi yang panjangnya lebih kurang 20 c.m dan lebar matanya ialah 12 c.m. Panjang ulunya kira-kira 10 c.m. Berbentuk silender berukuran garis pusat 5 c.m. Penggunaan keri di dalam Tarian Pulai ini adalah untuk

melakonkan gerak geri mencangkul tanah ataupun menyabit rumput semasa tarian dipersembahkan.

iii- Gelanggang

Ruang yang diperlukan untuk persembahan tarian Pulai ialah kira-kira 9 m persegi. Ianya diperbuat daripada lapan batang buluh yang dipacakkan di atas tanah dan membentuk kepungan empat persegi.

iv- Buluh

Tidak terdapat had-had yang tertentu penggunaannya dalam persembahan ini. Pada kebiasaannya lapan batang buluh berukuran dua meter panjang didirikan di atas tanah. Tali akan ditarik tegang secara melintang dan diikat pada pertengahan buluh-buluh itu. Beberapa helai kain batik pula disidai pada tali tersebut. Tujuannya adalah untuk melindungi penari daripada pandangan luar.

v- Persembahan

Jumlah anggota yang diperlukan dalam tarian ini ialah seramai enam orang dan terdiri daripada kaum wanita sahaja. Seorang ketua kumpulan akan dilantik untuk mengetuai persembahan yang dipanggil sebagai ‘ketua kawan.’ Tarian akan bermula

Apabila tiba di tebing sungai mereka akan berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w. dengan sekuat-kuatnya. Seterusnya mereka akan membuang anggar buah ke dalam sungai bersama mayang pinang. Tujuan pembuangan itu adalah untuk memohon rahmat daripada Tuhan ke atas tanaman padi mereka supaya hasilnya bertambah ataupun lumayan.⁸⁴

Setelah anggar buah dicampakkan ke dalam sungai, penari-penari akan berjalan perlahan-lahan menuju ke gelanggang semula. Setibanya di gelanggang mereka akan menimbus semula lubang yang ditinggalkan tadi. Setelah selesai penimbusan lubang, upacara tarian pulai atau balai pun tamat.

vi- Nyanyian

Persembahan tarian ini secara menyeluruh adalah persembahan nyanyian secara beramai-ramai. Sebanyak lima hingga tujuh lagu akan dinyanyikan di dalam satu-satu persembahan. Antara lagu-lagu yang dinyanyikan itu termasuklah Ya Mahidin, Pulang, Belaga Ayam, Sayang Adik, Anak Ayam dan lain-lain lagi. Antara contoh lagu-lagu tersebut ialah:⁸⁵

⁸⁴

Ibid.

⁸⁵

Ibid. hal. 9

Lagu Ya Mahidin

Orang menyinding⁸⁶ dibukit belulang
Boleh rusa dua beranak
Sanggul selit bawa melenggang
Nak membingung dagang yang banyak

Lagu-lagu yang dinyanyikan itu akan dinyanyikan berulang-kali sehingga persembahan yang diadakan selesai. Orang ramai akan bertepuk tangan memberi sokongan kepada lagu-lagu yang dipersembahkan itu.

vii- Penutup

Tarian Pulai dipersembahkan adalah dengan tujuan untuk berhibur. Selain itu ia diadakan dengan tujuan untuk memohon rahmat daripada Tuhan bagi menambahkan hasil rezeki mereka. Pada zaman dahulu persembahan tarian ini diadakan mengikut musim tanaman padi kerana ianya merupakan satu upacara memohon rahmat daripada Tuhan untuk menambahkan hasil tanaman mereka.

Cara penyampaian nyanyian mereka mengikut loghat atau dialek setempat. Ia adalah untuk mencari penyesuaian dengan alam setempat. Selain daripada itu

⁸⁶ sejenis jerat

daripada persembahan yang diadakan ini juga akan dapat mengeratkan lagi hubungan di antara penduduk sesebuah kampung.⁸⁷

3.5.2 Ulit Mayang

i- Pengenalan

Ulit mayang merupakan sejenis kesenian tradisional rakyat yang melambangkan suatu pemujaan yang mendalam terhadap tuan puteri tujuh beradik. ‘Ulit mayang’ yang dimaksudkan itu ialah menyanyi sambil menggegarkan mayang pinang. Tarian ini terkenal di daerah-daerah Kemaman, Kuala Berang, Dungun dan Kuala Terengganu. Ia merupakan salah satu cara yang digunakan oleh orang Melayu tradisional untuk menyembuhkan seseorang yang terkena penyakit.⁸⁸

Ketika itu bomoh atau pawang yang mengendalikan persembahan akan menggunakan segala kebolehannya untuk menyembuhkan pesakit dengan pertolongan makhluk halus iaitu tujuh orang puteri jelita. Satu upacara yang khas perlu dilakukan bagi tujuan memanggil ‘Puteri Bertujuh’ tersebut.

⁸⁷ Ibid. hal. 15

⁸⁸ Aripin Said, op. cit. hal. 34.

ii- Persembahan

Dalam upacara yang dikatakan permainan itu, seorang bomoh dengan jampi dan menteranya akan memuja mayang yang akan digunakan di dalam pengubatan yang dilakukan. Mayang itu akan bergerak-gerak bersama dengan sesiapa yang memegangnya. Bomoh akan dibantu oleh seorang pembantu yang dipanggil sebagai peduan dan seorang pemukul rebana.

Dalam peranannya untuk menyembuhkan orang yang sakit, mayang pinang yang masih lagi berada di dalam seludangnya akan digunakan. Mayang ini akan diambil bersama dengan seludangnya dan tidak boleh dipecahkan. Peralatan lain yang turut digunakan ialah sebuah ternang⁸⁹ yang diisi dengan air, sebatang lilin, bertih⁹⁰, kemenyan, beberapa kuntum bunga dan sebuah rebana.

Apabila sampai masanya untuk permainan dimulakan iaitu biasanya kira-kira pukul sepuluh malam, pesakit akan dibaringkan di tempat yang bersih dan segala peralatan yang diperlukan akan diletakkan di dalam dulang di tepi pesakit. Bomoh akan membakar kemenyan dalam dupa yang siap dengan bara dan melihat ke arah asap kemenyan itu. Keserasian akan dapat dilihat jika asap itu

⁸⁹ Bekas yang diperbuat daripada tanah liat.

⁹⁰ Padi yang digoreng sehingga pecah

berkepul menghala kepada bomoh. Segala peralatan yang telah disediakan itu akan diasapkan terlebih dahulu oleh bomoh sebelum upacara dimulakan.

Setelah itu bomoh akan menutup kepala dan separuh badannya dengan sehelai kain putih, lalu sambil duduk bersila dia pun mula mengulit atau mengugam. Ketika bomoh mula menyanyi, rebana akan ditepuk dengan nada yang tertentu. Nada yang dihasilkan tidak boleh tersalah kerana ia akan menjelaskan perhatian bomoh.

Apabila penumpuan perhatiannya telah penuh iaitu sampai kepada kemuncaknya, bomoh akan menggeletar dan peduan akan menaburkan bertih kepada bomoh seolah-olah mengucapkan selamat datang. Selepas itu peduan akan menghulurkan mayang kepada bomoh yang akan menyambut dengan kedua tangannya. Bomoh dalam keadaan ‘menurun’⁹¹ akan mengasap mayang sekali lagi dengan kemenyan yang dibakar oleh peduan. Mayang akan dipecahkan oleh bomoh dengan memukul mayang itu pada tangannya.

Mayang pinang yang mengurai akan dikeluarkan setelah seludang pecah. Bomoh akan menggerakkan tangan dan badannya mengikut gerak mayang di tangannya. Gerakan ini akan diiringi oleh tepukan rebana. Pada waktu itu bomoh akan terus menyanyi iaitu mengulit untuk memanggil ketujuh-tujuh orang puteri bagi meminta pertolongan untuk menyembuhkan pesakit. Tujuh orang puteri itu akan dipanggil seorang demi seorang iaitu mengikut pada tertibnya dari puteri satu, puteri

⁹¹ tidak sedarkan diri

dua, puteri tiga dan seterusnya hingga ke puteri yang ketujuh. Puteri ketujuh merupakan puteri yang paling cantik, paling sakti dan paling dihormati bagi mengubat pesakit dan seterusnya menghalau penyakit yang ada.

Kedatangan setiap orang puteri akan disambut dengan taburan bertih. Pada kebiasaan setiap orang puteri itu akan memberi salam dan diikuti dengan perbualan seperti berikut:⁹²

Puteri : Assalamualaikum!

Peduan: Waalaikumussalam!

Puteri : Apa hajat panggil ‘ni’

Peduan : Minta tengokkan si Fatimah ‘ni’. (Jika pesakit itu seorang perempuan dipanggil sebagai Fatimah, manakala lelaki dipanggil sebagai Ali)

Minta sembah segala penyakit, minta lepas segala bencana.

Puteri : Baiklah. Hamba ‘ni tak pandai. Hamba ‘ni tak bijak tapi nak cuba tolong dan ikhtiar saja.

Semasa perbualan ini berlangsung, pemukul rebana akan berhenti memukul rebananya. Kadangkala perbualan yang berlangsung itu akan menimbulkan perkara yang lain. Contohnya Sang Puteri akan menduga mengapa Ali atau Fatimah menjadi sakit sama ada bermain atau mengacau tempat-tempat yang tertentu dan sebagainya.

Semasa perbualan sedang berlangsung juga Sang Puteri akan menceritakan segala kesukaran untuk sampai. Berbagai rintangan yang ditempuhinya seperti

⁹² Aripin Said, op. cit. hal. 37

mengharungi lautan, menempuh awan yang tebal, naik gajah dan rakit, masuk gua dan sebagainya. Cerita-cerita sedemikian akan membuatkan para penonton ketawa.

Setelah selesai perbualan itu, Sang Puteri akan mengambil semula mayang yang diletakkan sebentar tadi. Mayang akan diasapkan semula dengan kemenyan dan apabila dia bangun rebana akan dipukul semula. Sang Puteri akan bergerak mengikut tingkah rebana sambil menyanyi. Sesekali puteri akan membongkok mengusapkan mayang di tangan kepada pesakit dari kepala hingga ke hujung kaki seolah-olah menghalau penyakit yang ada pada pesakit. Di sinilah terserlahnya kesenian ulit mayang sama ada melalui nyanyian ataupun tarian.⁹³

Demikianlah Sang Puteri akan datang seorang demi seorang dengan cara yang serupa. Melalui perbualan yang berlangsung dengan peduan, penonton akan dapat membezakan turutan antara seseorang puteri itu. Biasanya Sang Puteri akan menyatakan di dalam perbualan itu bahawa dia tidaklah sebijak mana kerana dia merupakan puteri yang kedua, ketiga dan seterusnya Kedatangan puteri yang ketujuh pada kebiasaannya akan memakan masa yang lama. Perbualannya juga agak panjang. Peduan akan menceritakan bahawa enam orang puteri adik beradiknya yang lain telah datang untuk menyembuhkan pesakit tetapi tidak berjaya. Dengan sebab itu harapan hanyalah terletak kepada Puteri Tujuh.

⁹³

Ibid. hal. 40

Persembahan Ulit Mayang ini akan memakan masa selama kira-kira empat jam. Ia bermula daripada puteri satu hingga ke puteri yang ke tujuh. Biji bertih akan ditabur kepada tuan puteri ketika tuan puteri datang dan pulang.

iii- Nyanyian⁹⁴

Senikata di dalam seloka Ulit Mayang ini sudah ditetapkan. Ia tidak seperti persembahan yang lain seperti ‘main puteri’ yang senikatanya sering berubah mengikut ilham dan daya berfikir bomoh di waktu itu.

Lagu puteri tujuh itu adalah seperti berikut:

Umbuk mayang ku umbuk
Umbuk mayang terjala jemala
Sambut dayang ku sambut
Sambut dengan puteri ngesa⁹⁴

Puteri ngesa berkain serong
Puteri ngesa berbaju hijau

Puteri ngesa bersubang gading
Puteri ngesa bersanggul sendeng

Lagu tersebut akan diulang dan ditukar dengan puteri kedua dan seterusnya sehingga ke puteri yang ketujuh. Pemegang mayang akan terus mengegarkan mayang sehingga tidak sedarkan diri dan pada masa itu mayang akan bertukar tangan.

⁹⁴ Satu

Setelah mayang hidup beberapa rangkap pantun akan dinyanyikan. Pantun tersebut adalah seperti berikut:⁹⁵

Tiut liut terkulai balai
Pucuk simpul tergulung-gulung
Habis maya tawar maja⁹⁶
Hendak sambut mayang ku turun

Turun memecah naik bujur
Sertak berdengung punca tali
Apa sudah badan mu tidur
Bingkas bangun serta menari

Di akhir upacara penyembuhan:

Ku tahu asal usul mu
Yang darat balik ke darat
Yang laut bali ke laut
Nasi kuning hamba sembahkan

Pulih mayang ku pulih
Pulih balik sedia kala

Sepanjang upacara itu bomoh akan mengusapkan mayang kepada pesakit dengan menyanyikan lagu memuji puteri tersebut. Akhirnya setelah pantun yang terakhir dinyanyikan, mayang akan terlepas dari tangan bomoh. Bomoh akan duduk

⁹⁵ Bengkel Amali Tradisi Lisan, KKDS Malaysia dengan kerjasama Kjn. Trg. Pada 20 hb. Mei-1982 hingga 1 hb. Jun 1982 bertempat di Dungun, Trg. hal. 42

⁹⁶ Sejenis tumbuhan

seperti keadaan asal. Pada waktu itu Puteri Tujuh akan bermohon diri untuk pulang dan peduan akan menaburkan bertih mengucapkan selamat jalan.

iv- Penutup

Kesenian tradisional ini mementingkan keindahan tari, kemerduan lagu serta keindahan susunan kata-kata dalam pantunnya. Asal-usul permainan ini adalah sebagai satu upacara ‘pemujaan’ atau ‘ritual’ sebagaimana yang digunakan oleh masyarakat terdahulu. Di samping itu ia juga sebagai cara pengubatan melalui jampi-jampian yang terdapat di dalamnya.⁹⁷

⁹⁷ Bengkel Amali Tradisi Lisan, op. cit. Hal 43

3.5.3 Nobat

i- Pengenalan

Kewujudan Nobat tidak dapat dipisahkan daripada institusi kesultanan Melayu. Ia merupakan satu bentuk muzik istana yang menjadi puncak majlis adat istiadat Melayu. Sebagai satu bentuk budaya ekspresif, Nobat dapat menjelaskan tentang konsep daulat yang menjadi tunggak kepada sistem kerajaan, ketuanan dan kesultanan Melayu. Institusi Raja Berperlembagaan adalah salah satu aspek penting dalam sistem pemerintahan yang diamalkan di Malaysia.⁹⁸

Upacara permainan muzik Nobat bertujuan mengekalkan struktur sosial masyarakat Melayu tradisional yang terbahagi kepada kelas pemerintah, bangsawan dan rakyat jelata. Kesenian Nobat atau Naubat merujuk kepada gendang besar yang dipalu pada waktu-waktu yang tertentu. Di samping itu ia juga ditujukan kepada giliran pemuzik-pemuzik dalam satu-satu kumpulan muzik yang bermain di hadapan istana raja. Ia merupakan alat kebesaran diraja.⁹⁹

⁹⁸ Ku Zam Ku Idris (1995), *Orkestra Nobat: Seni Muzik Istana*, DBP, cet. 1, hal. 206
⁹⁹ Ibid. hal. 207

Alat-alat Nobat terdiri daripada sebuah Negara (Nahara) iaitu gendang satu muka yang besar, dua buah gendang sederhana besar yang diperbuat daripada kayu dan bersalutkan perak disekelilingnya dengan menggunakan kulit kambing yang halus. Selain daripada itu alat yang lain terdiri daripada satu nafiri dari perak dan satu serunai dari gading dan perak.¹⁰⁰

ii - Perkembangan

Terdapat mitos yang mengatakan Nobat berasal dari zaman Nabi Allah Ibrahim a.s. dan pernah digunakan di istana Iskandar Zulkarnain. Nobat atau Naubat amat popular di zaman Khalifah Abbasiyyah pada kurun ke 9 M (847 hingga 945). Ia adalah pengaruh muzik dunia Islam dari Timur Tengah (Parsi) yang dibawa masuk ke alam Melayu pada abad ke 12 dan 13 M iaitu apabila Islam berkembang di rantau ini.¹⁰¹

Dengan tersebarnya Islam ke Nusantara, Naubah Khana diperkenalkan kepada raja-raja Melayu dan namanya bertukar kepada Nobat. Nobat yang terdapat di Terengganu dipercayai berasal dari Riau yang dimainkan pada masa pemerintahan Sultan Ahmad. Orang yang mula-mula memperkenalkan permainan Nobat ialah Puteri Pulau Bentan iaitu isteri kepada Lebar Daun atau Telanai Bentan yang bernama Tun Telanai.¹⁰²

¹⁰⁰ Ibid.

¹⁰¹ Ibid.

¹⁰² Jubli Perak, 25 tahun Pemerintahan DYMM Sultan Tuanku Ismail Nasiruddin Syah, 16 Disember 1970. Hal. 13

iii- Kepentingan

Peranan muzik nobat dalam masyarakat Melayu tradisional ialah sebagai alat budaya dan kesenian untuk menguatkan kuasa dan mengesahkan kedudukan golongan pemerintah melalui upacara-upacara penghormatan yang penuh dengan kebesaran. Ia tidak boleh dimainkan dengan sesuka hati.¹⁰³

Nobat dibunyikan pada hari-hari yang tertentu seperti pada tiap-tiap petang sebelum berbuka di dalam bulan puasa dan petang kedua-dua hari raya. Selain itu ia merupakan alat muzik yang paling utama dibunyikan pada istiadat kebesaran DYMM Sultan seperti pada hari keputeraan, nikah kahwin, hari bertindik, berkhatan, hari keputeraan putera dan puteri sultan, hari pertabalan dan kemahkotaan serta kemangkatan.¹⁰⁴

Fungsi-fungsi Nobat dapat diringkaskan kepada tiga fungsi yang utama iaitu:

- i- Hiburan kaum kerabat diraja
- ii- Mengiringi istiadat-istiadat diraja
- iii- Menandakan waktu-waktu yang tertentu.

¹⁰³ Nureeyan Salleh (1999), *Lagu Dodoi Melayu Patani*, U.K.M. Cet. 1, hal. 127
¹⁰⁴ Jubli Perak, op. cit. hal. 15

iv- Muzik dan Lagu

Terdapat tiga belas buah lagu dalam Nobat Terengganu. Lagu-lagu yang dimainkan itu ialah seperti Ibrahim Khalil, Iskandar, Sri Istana, Arak-arak, Petang Khamis, Khamis Perak, Palu-palu, Palu Melayu, Nigiri, Anak Kuda, Ragam, Perang, Lampang dan Bersiram. Jumlah pemain nobat ialah seramai lapan orang. Ketua pemainnya dikenali sebagai Tuk Seri Nara Diraja. Manakala pemain-pemain Nobat dikenali sebagai Orang Nobat atau Orang Kalau.

Muzik Nobat dikenali sebagai Pai. Ia ditulis dengan menggunakan abjad jawi dan ia menandakan tempat-tempat tertentu yang perlu dipukul pada gendang dan gong bagi menghasilkan bunyi. Lagu-lagu Nobat dikategorikan sebagai Man, dipercayai singkatan daripada perkataan Sanskrit / Champa. Ia merupakan ayat-ayat mantra (mantera \ jampi) yang bermaksud kata-kata atau ayat-ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa kudus atau ghaib.¹⁰⁵

v- Persembahan

Pada zaman dahulu, sewaktu persembahan Nobat dijalankan, gelanggang Nobat akan dipagar dengan bulu ayam dan dimantera. Sebelum itu pawang diraja atau negeri akan mengadakan upacara memulih semangat alat-alat Nobat yang diadakan

¹⁰⁵ Ibid.

setahun sekali. Upacara ini adalah penting kerana dipercayai semangat yang ada dapat menguatkan daulat raja untuk menjaga kesejahteraan negeri. Sebaliknya jika ia tidak dipulih, dipercayai semangat itu akan mendatangkan bencana kepada raja dan negeri.¹⁰⁶

vi- Kepercayaan

Terdapat beberapa kepercayaan dan pantang larang yang dipegang oleh masyarakat Melayu berkenaan alat-alat muzik Nobat. Antaranya ialah gendang merupakan alat muzik yang paling berdaulat. Jika ada sesiapa yang memijaknya, orang itu akan mendapat sakit yang membawa maut.

Manakala alat Nehara pula ialah alat yang paling penting. Dipercayai kulit asal gendang ini dikaitkan dengan legenda kulit perut perempuan hamil yang telah dibunuh oleh raja kerana telah memakan seulas nangka baginda. Sekiranya raja akan mangkat, nehara akan berbunyi dengan sendiri sebagai petanda kepada keluarga diraja tentang mala petaka yang akan menimpa.¹⁰⁷

Muzik Nobat dipercayai mempunyai kuasa yang luar biasa. Bunyi Nobat dikatakan mempunyai kekuatan ghaib dan memerlukan penghormatan orang yang mendengarnya seperti penghormatan yang diberikan kepada raja. Upacara permainan

¹⁰⁶ Ibid.

¹⁰⁷ Skeat Walter, William (1966), *Malay Magic*, New York: Barnes and Noble, Inc. hal 98.

muzik nobat berperanan menguji sama ada raja itu berdaulat atau sebaliknya. Jika raja itu tidak berdaulat baginda akan jatuh sakit.¹⁰⁸

Kepercayaan yang sedemikian adalah berkaitan dengan kepercayaan kepada kuasa ghaib. Masyarakat tradisional mempercayai terdapat makhluk penunggu yang mengawal alat muzik tersebut. Lantaran itu penghormatan yang sewajarnya mesti diberikan kepada muzik nobat. Mereka percaya sesiapa yang tidak menghormati permainan Nobat akan terkena balasan dan penyakit.¹⁰⁹

Alat-alat Nobat tidak boleh dibawa keluar dari istana. Masyarakat tradisional percaya ribut akan melanda jika sesuatu upacara berkaitan yang dijalankan tidak diiringi oleh Nobat sebagaimana yang dikehendaki.¹¹⁰

Penghormatan yang diberikan kepada Nobat adalah sama seperti penghormatan yang diberikan kepada raja. Syed Syeikh Al-Hady telah mencatatkan undang-undang Nobat yang telah ditetapkan oleh Raja Riau Lingga pada kurun ke 19 M. Beliau menjelaskan:¹¹¹

“Sebaik sahaja seseorang itu mendengar tiupan Nafiri, sejauh manapun beliau berada dari alat itu mestilah beliau berhenti daripada apa yang dikerjakannya. Beliau mestilah duduk menyembah sebagaimana di depan raja sehingga alih berakhirnya lagu itu dimainkan. Sekiranya tidak dilakukan demikian,

¹⁰⁸

Ismail Hamid (1988), *Masyarakat dan Budaya Melayu*, D.B.P. Cet. 1, hal. 155

¹⁰⁹

Ku Zam Ku Idris, op. cit. hal. 208

¹¹⁰

Harun Mat Piah (1992), *Budaya*, D.B.P., hal. 6-9

¹¹¹

Al-Hady, Syed Alwi Syeikh Al-Hady (1962), *Malay Customs and Traditions*, Singapore: Eastern University Press, hal. 78-79

seseorang itu tidak menghormati raja. Manakala seseorang yang lalu di depan Nafiri semasa Nobat dipersembahkan diluar istana akan dihukum oleh raja.”

vii- Penutup

Sistem monarki masyarakat Melayu diasaskan oleh konsep dwiraja India. Konsep ini menegaskan bahawa seseorang raja itu mempunyai hak yang mutlak untuk memerintah. Ini kerana pada diri seseorang raja itu terdapat daulat yang disebabkan mereka berasal daripada keturunan atau jelmaan dewa-dewa.¹¹² Cara untuk mengetahuinya ialah dengan permainan Nobat.¹¹³

Kepercayaan tinggi masyarakat Melayu terhadap kuasa yang dimiliki oleh Nobat menggambarkan tentang kehidupan masyarakat ketika itu. Permainan Nobat yang turut mengandungi unsur-unsur kesenian merupakan satu hiburan diraja pada satu ketika dahulu. Walaupun tidak memiliki tarian di dalamnya tetapi ia memberi kesan dan pengaruh yang besar terhadap masyarakat Melayu.

¹¹² Ku Zam Ku Idris, op. cit. Hal. 209
¹¹³ Ibid.

3.6 Kesimpulan

Kesenian Melayu tradisional yang terdiri daripada nyanyian (lagu) dan tarian merupakan dua jenis kesenian yang terkenal di kalangan masyarakat. Kedua-dua jenis kesenian tersebut biasanya digabungkan menjadi bersama dalam persembahan yang diadakan. Dengan itu lahirlah pelbagai nama dan bentuk kesenian yang mewarnai kehidupan masyarakat tradisional.

Penciptaan alat-alat muzik bagi mengiringi sesuatu kesenian menjadi bukti masyarakat zaman dahulu mempunyai daya yang kreatif di dalam menghasilkan sesuatu perkara. Ia adalah sejajar dengan suasana masa itu yang masyarakatnya tidak terdedah kepada perhubungan dunia luar.

Terdapat falsafah yang tersirat di dalam satu-satu kesenian yang diamalkan. Selain daripada tujuan untuk berhibur ia juga mempunyai tujuan yang lain. Antaranya ialah untuk acara pengubatan, menunjukkan kuasa yang dimiliki oleh raja, memanggil semangat sesuatu benda dan lain-lain lagi.

Dengan memiliki daya cipta yang kreatif, terhasillah berbagai jenis kesenian. Tujuannya ialah sebagai alat bagi mengisi masa lapang dan mengeratkan lagi hubungan anggota masyarakat. Melalui kajian yang telah dilakukan, didapati suasana muhibbah dapat diterapkan ke dalam masyarakat melalui program kesenian yang diamalkan pada waktu itu.

Melalui lagu-lagu yang dinyanyikan, ia menunjukkan masyarakat pada waktu itu yang banyak telah terdedah kepada alam sekitar. Mereka memasukkan seni kata lagu yang mempunyai hubungkait dengan persoalan semasa dan hubungan dengan alam sekitar. Idea-idea yang dikemukakan di dalam sesebuah lagu menunjukkan masyarakat pada masa itu telah mencapai tahap pemikiran yang tinggi.

Kesenian tradisional tersebut telah berkembang dengan meluasnya di dalam masyarakat. Mereka telah menjadikannya sebagai satu acara yang penting di dalam kehidupan. Ini disebabkan oleh kehidupan harian mereka yang sentiasa terdedah kepada hubungan dengan alam sekeliling. Dengan sebab itu sebagai satu cara berinteraksi dengan alam, mereka menggunakan saluran kesenian. Contohnya ialah melalui tarian pulai yang diadakan untuk memuja semangat padi, manakala kesenian ulit mayang pula diadakan untuk mengubati pesakit.